



قوات بيچ دفتور نكبي ملاك

Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka

Governor's Office of Melaka

Jalan Seri Negeri,
Ayer Keroh,
75450 Melaka.

Tel : 06 - 333 3333 (Talian Utama)

06 - 230 7218 (Am)

06 - 230 7217 (SUS)

Fax : 06 - 231 8464 (Pej)

06 - 231 8460 (Istana)

Emel : pejtyt@melaka.gov.my

Ruj. Kami : PTYT500-3/3/6(14)

Tarikh : 14 Januari 2024

Bersamaan : Rejab 1445H

Semua Ketua Bahagian/Unit, Jabatan Ketua Menteri Melaka
Semua Ketua Jabatan Negeri Melaka
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Melaka
Semua Ketua Agensi Badan Berkanun

Assalamualaikum w.b.t,

YBhg. Datuk/ Datin/ Tuan/ Puan,

**IKLAN JAWATAN KOSONG BAGI JAWATAN PEMANDU GRED H11
(KONTRAK) DI PEJABAT T.Y.T YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA**

Dengan hormatnya saya diarah untuk merujuk kepada perkara yang tersebut seperti di atas.

2. Bersama-sama ini dipanjangkan sesalinan iklan jawatan kosong bagi jawatan Pemandu, Gred H11 (kontrak) di Pejabat T.Y.T Yang di-Pertua Negeri Melaka untuk rujukan YB Datuk/ SS Datuk Wira/ YAA Datuk/ YBhg. Datuk/ YBhg. Datin/ YBhg. Dato'/ YBhg. Datuk Ir./ YBhg. Datuk TPr./ YBrs. Ir. Dr./ YBrs. Dr./ YBrs. Drs./ YBrs. TPr./ Tuan/ Puan selanjutnya. Tarikh tutup bagi permohonan jawatan kosong tersebut adalah sehingga **31 Januari 2024 (Rabu)**.

3. Segala kerjasama YB Datuk/ SS Datuk Wira/ YAA Datuk/ YBhg. Datuk/ YBhg. Datin/ YBhg. Dato'/ YBhg. Datuk Ir./ YBhg. Datuk TPr./ YBrs. Ir. Dr./ YBrs. Dr./ YBrs. Drs./ YBrs. TPr./ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA”

“BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT”

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(FARHAN BIN ABDUL RAHIM)

Setiausaha Sulit kepada

T.Y.T Yang di-Pertua Negeri Melaka





IKLAN JAWATAN KOSONG

JAWATAN : PEMANDU
GRED : H11
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
JABATAN : PEJABAT T.Y.T YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA
TARAF JAWATAN : KONTRAK

JADUAL GAJI :

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM1,218.00	RM2,939.00	RM80.00

ELAUN :

IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM	: RM 95.00
IMBUHAN TETAP PERUMAHAN	: RM 300.00
BANTUAN SARA HIDUP	: RM 300.00

SYARAT LANTIKAN :

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - Warganegara Malaysia;
 - berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak lebih daripada 30 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/ Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 - Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
 - Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini. Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

• Lesen D	: RM1,264.15
• Lesen E/E1/E2	: RM1,310.30
• Lesen F/H	: RM1,356.45
• Lesen G/I	: RM1,402.60
 - Berpengalaman lebih 2 tahun dalam Penyenggaraan Kenderaan dan dalam hal-hal berkaitan.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :

- Calon kepujian dalam subjek Bahasa Melayu dan Matematik pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN :

1. Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pemandu Kenderaan H11 adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa dan lain-lain syarat yang difikirkan relevan oleh Pejabat T.Y.T Yang di-Pertua Negeri Melaka.

SYARAT TAMBAHAN :

1. Perokok adalah sangat tidak digalakkan memohon.
2. Keutamaan diberikan kepada pemohon lelaki, anak kelahiran Melaka atau telah bermastautin di Melaka melebihi 10 tahun.

DESKRIPSI TUGAS DAN KOMPETENSI :

Kami mempelawa calon-calon yang berkelayakan yang sukakan cabaran, jujur, komited, berdaya saing, boleh bekerja lebih masa apabila diperlukan dan boleh bekerja dalam pasukan.

Berikut adalah kompetensi khusus diperlukan untuk jawatan ini:

- i. Melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan;
- ii. Menjaga kenderaan di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan; dan
- iii. Boleh mengikut konvoi eskot bagi orang kenamaan.

CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN :

1. Pemohon hendaklah membuat permohonan dengan menghantar **resume, gambar passport, salinan Sijil Kelahiran, salinan Kad Pengenalan, salinan Lesen Memandu, salinan Sijil-Sijil Akademik daripada Institusi Pengajian Tinggi (IPTA/IPTS)/ Persekolahan beserta dengan keputusan/ kelulusan peperiksaan yang berkaitan dan lain-lain dokumen sokong yang telah DISAHKAN oleh Pegawai Kerajaan (Kumpulan Pengurusan dan Profesional / Pengetua Sekolah/ Wakil Rakyat/ Penghulu/ Ketua Kampung**. Setiap borang permohonan hendaklah lengkap diisi dengan menggunakan **(Pen Dakwat Hitam Dengan Terang dan Jelas Dalam Huruf Besar)**.
2. Sila masukkan maklumat yang benar, lengkap dan tepat. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses/dipertimbangkan.
3. Calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.
4. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
5. Pemohon yang **berjaya** akan **diberikan tempoh percubaan selama (3) tiga bulan** dengan **kadar bayaran sebagai Pekerja Sambilan Harian (PSH)** selama tempoh tersebut **sebelum dilantik ke jawatan kontrak**.

6. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan/Badan-badan Berkanun/Kuasa Tempatan hendaklah mengemukakan surat sokongan Ketua Jabatan serta salinan Buku Perkhidmatan dan Laporan Penilaian Prestasi terkini.
7. Bagi calon-calon yang telah ditemuduga tetap tidak menerima apa-apa keputusan **selepas dua (2) bulan** dari tarikh temuduga, hendaklah menganggap mereka tidak berjaya untuk dilantik ke jawatan berkenaan.
8. **Tarikh tutup permohonan adalah pada 31 Januari 2024 jam 12.00 tengahari** dan borang yang telah lengkap diisi hendaklah diserahkan secara pos atau serahan tangan ke alamat seperti berikut:-

**Setiausaha Sulit kepada
T.Y.T Yang di-Pertua Negeri Melaka
Pejabat T.Y.T Yang di-Pertua Negeri Melaka
Jalan Seri Negeri, Ayer Keroh
75450 Melaka.**

SEBELUM ATAU PADA : 31 JANUARI 2024 JAM 12.00 TENGAHARI